

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 14 Mac 2021 12:32 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ahli Akademia Perlu Terus Dekati Masyarakat



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

14 MAC 2021 / 30 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Ani Munirah Mohamad
Gambar oleh: PERSATU UUM

AHLI AKADEMIA PERLU TERUS DEKATI MASYARAKAT



UUM ONLINE: Ahli akademia diingatkan untuk terus berinovatif supaya ilmu pengetahuan dan hasil penyelidikan dapat memberi impak kepada masyarakat, seterusnya membantu meningkatkan taraf hidup komuniti, negeri dan negara.

Demikian amanat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-4 Persatuan Akademia UUM (PERSATU) di Dewan Tan Sri Othman, baru-baru ini.

Beliau berkata, ahli akademik diingatkan untuk terus komited mencurahkan ilmu demi memastikan kelangsungan kecemerlangan anak bangsa dan negara.

Menurutnya, ahli akademik tidak hanya menjadikan kecemerlangan kerjaya sebagai matlamat utama tetapi perlu memberi penekanan sama terhadap usaha membantu masyarakat khususnya masyarakat dari kelompok B40 dapat ditingkatkan taraf hidup mereka dan pada masa sama ahli akademik juga dapat berperanan membantu pihak industri berkembang maju.

“Pelbagai geran penyelidikan ditawarkan kepada ahli akademik untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi. Hasil penyelidikan tersebut boleh diwar-warkan dalam bentuk penerbitan dan produk-produk untuk pengkomersialan, khusus untuk kesejahteraan masyarakat umum,” katanya yang turut merakamkan penghargaan kepada mantan PERSATU, Prof. Madya Dr. Rusdi Omar.

Pada mesyuarat tersebut, Prof. Dr. Rosna Awang Hashim telah dipilih menerajui PERSATU 2021 yang akan meneruskan perjuangan khususnya untuk kebajikan dan kepentingan ahli akademik secara keseluruhan.

Dalam ucapan beliau berkata, PERSATU akan terus menjaga hubungan baik dengan pihak pengurusan UUM dan pada masa sama akan mengutamakan kebajikan serta kepentingan semua ahli.

Barisan Majlis Eksekutif yang baharu diberikan mandat untuk menggerakkan PERSATU bagi sesi 2021 akan sentiasa terbuka untuk menerima sebarang cadangan penambahbaikan dan pendapat daripada ahli.”



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.